



KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

KENYATAAN MEDIA

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI B. YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

ISNIN, 7 NOVEMBER 2016 / 7 SAFAR 1438H

**SIDANG MEDIA
MESYUARAT PENYELARASAN ANTARA YB MENTERI KEMAJUAN
LUAR BANDAR DAN WILAYAH DENGAN EXCO-EXCO LUAR BANDAR
(MEXCLUB) BIL. 2/2016**

KUALA LUMPUR - YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah hari ini mempengerusikan Mesyuarat Penyelarasan Antara YB Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Dengan Exco-Exco Luar Bandar (MEXCLUB) Bil. 2/2016 bertempat di Hotel Premiera, Jalan Tuanku Abdul Rahman, di sini. Dalam sidang media sejeurus selepas itu, YB Dato' Sri Ismail Sabri memaklumkan intipati-intipati penting yang telah dibentangkan dalam MEXCLUB Bil. 2/2016 seperti berikut :-

FOKUS BAJET 2017 KKLW

1. Bajet 2017 adalah berasaskan bajet *Rakyat Centric* yang akan memberi faedah yang amat besar kepada masyarakat luar bandar yang merangkumi semua faktor termasuk infrastruktur, prasarana, ekonomi, perumahan, dan pendidikan.

2. Jumlah keseluruhan peruntukan yang diluluskan untuk kementerian ini bagi tahun 2017 adalah RM9.048 billion (Bajet Mengurus: RM3.218 billion, Bajet Pembangunan: RM5.830 billion) berbanding dengan peruntukan 2016 yang diubahsuai iaitu RM9.825 billion iaitu penurunan sebanyak 10.7%.
3. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan sebanyak 21.7% di bawah peruntukan pembangunan iaitu RM4.565 billion (2016) kepada RM5.83 billion (2017).
4. Ini menunjukkan Kerajaan terus memberi perhatian yang tinggi kepada 7.8 juta penduduk di luar bandar atau 26.9% daripada jumlah penduduk Malaysia untuk menikmati kesejahteraan sosio-ekonomi luar bandar.

YB Dato' Sri Ismail Sabri juga memfokuskan kepada intipati penting Bajet 2017 yang melibatkan peruntukan kepada KKLW adalah seperti berikut:-

A. Prasarana

- (i) Jalan Perhubungan Desa (JPD) dan Jambatan dengan peruntukan sebanyak RM1.2 billion.
- (ii) Bekalan Air Luar Bandar untuk 5,200 rumah dengan peruntukan RM632.4 juta.
- (iii) Bekalan Elektrik Luar Bandar untuk 10,000 rumah dengan peruntukan RM460 juta.
- (iv) Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) 100,000 unit LJK melibatkan 97,000 unit lampu neon dan 3,000 unit lampu LED dengan peruntukan RM100 juta.
- (v) Perkhidmatan bas luar bandar MARA Liner diperuntukkan sebanyak RM23 juta untuk pembelian sebanyak 22 buah bas. Jumlah ini juga termasuk kerja-kerja menaik taraf 10 buah bengkel di seluruh negara. Ini akan memberi akses kepada masyarakat luar bandar.

B. Perumahan Luar Bandar

- (i) Bina baru dan baik pulih rumah usang/daif termasuk rumah Orang Asli (OA) dengan peruntukan RM350 juta.
- (ii) Rumah Generasi Ke-2:
 - (a) FELCRA – dengan peruntukan RM100 juta
 - (b) RISDA – dengan peruntukan RM100 juta

Subsidi RM20 ribu bantuan individu

C. Insentif Pekebun Kecil Dan Penoreh Getah

- (i) Bantuan Musim Tengkujuh iaitu RM200 sebulan selama tiga bulan (November, Disember dan Januari).
- (ii) Melibatkan seramai 440,000 pekebun kecil dan penoreh getah.

D. Elaun Ketua Kampung/Pengerusi JKKK/JKKKP/Tok Batin

Elaun Ketua Kampung/Pengerusi JKKK/JKKKP/Tok Batin dinaikkan daripada RM800 kepada RM900.

E. Elaun Pembantu Pemaju Masyarakat (Sukarela) KEMAS

Dinaikkan daripada RM400 kepada RM500 sebulan untuk seramai 10,518 orang.

F. Program Keusahawanan

- (i) Usahawan Mobilepreneur dengan peruntukan RM30 juta untuk 3,000 peserta.
- (ii) Pembiayaan Perniagaan dengan peruntukan RM120 juta.

G. Pendidikan

- (i) Biasiswa MARA dengan peruntukan RM2 billion.
- (ii) Penyelenggaraan MRSM dengan peruntukan RM50 juta.

H. Peruntukan Kepada Orang Asli

- (i) Melibatkan peruntukan RM222 juta untuk:
 - (a) Projek Bekalan Air Terawat;
 - (b) Pembangunan Ekonomi dan Keusahawanan;
 - (c) Pembangunan bersepadu.

Pengumuman Bajet 2017 ini merupakan hadiah bermakna kepada masyarakat luar bandar kerana bajet ini bersifat *Rakyat Centric* dan seiring dengan Transformasi Luar Bandar iaitu 'Membandarkan Luar Bandar'. Ini akan menjadikan kawasan luar bandar lebih kondusif dengan pelbagai aksesibiliti dan kemudahan seperti infrastruktur, pembangunan modal insan dan aktiviti ekonomi.

Bajet 2017 ini juga menggalakkan generasi muda untuk kekal tinggal di luar bandar dan membina masa depan di luar bandar. Lebih banyak kejayaan akan dapat dicapai dalam konteks kemajuan luar bandar termasuklah membina kependudukan yang selesa dan holistik di kalangan masyarakat desa di Malaysia.

KERTAS PEMBENTANGAN

Pada mesyuarat MEXCLUB Bil.2/2016 ini, terdapat enam (6) kertas yang telah dibentangkan, iaitu:

A. Kertas Makluman

Kertas 1:

Bajet 2017 KKLW.

Kertas 2:

Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) oleh Bahagian Infrastruktur, KKLW.

B. Kertas Pertimbangan**Kertas 3:**

Pelaksanaan Rumah Bina Negara oleh Bahagian Kemajuan Tanah dan Wilayah, KKLW;

Kertas 4:

Program Bantuan Rumah (PBR) oleh Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KKLW

Kertas 5:

Pembayaran Elaun Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK/JKKKP) oleh Bahagian Pengupayaan Komuniti dan Infodesa, KKLW; DAN

Kertas 6:

Status Hakmilik Tanah TABIKA KEMAS oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS);

Menurut YB Dato' Sri Ismail Sabri lagi, pembentangan kesemua kertas tersebut hari ini telah memfokuskan kepada penyelesaian terhadap isu-isu pelaksanaan projek pembangunan melalui kerjasama antara kementerian ini dan Kerajaan Negeri bagi memastikan proses pembangunan luar bandar berada di landasan yang betul menjelang tahun 2050.

PENUTUP

Mengakhiri sidang media, YB Dato' Sri Ismail Sabri menzahirkan penghargaan dan amat berbesar hati kerana dapat bertemu dengan para Exco Luar Bandar yang hadir pada MEXCLUB Bil. 2/2016 ini. Mereka ini merupakan rakan kongsi dan agen

transformasi utama KKLW dalam melaksanakan perubahan di peringkat akar umbi serta menjadi penghubung khususnya di peringkat negeri bagi memastikan pelaksanaan program-program kementerian ini dapat berjalan dengan lancar dan berkesan. Dengan perkongsian idea dan maklum balas yang diberikan oleh para Exco Luar Bandar ini, akan dapat membantu KKLW dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan dan sistem penyampaian terutamanya dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan, sekali gus memastikan semua projek dan program yang dirancang akan mencapai kejayaan demi merealisasikan program Transformasi Luar Bandar serta mewujudkan komuniti luar bandar yang berdaya saing.

-TAMAT-

**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**

7 November 2016/7 Safar 1438H

Tel: 03-8891 5940, Faks: 03-8888 2367

Emel: ukk@rurallink.gov.my